

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	27 SEPTEMBER 2016

Najib tiba di Jerman, misi tarik pelabur

um - 27/9/2016

BERLIN 26 Sept. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor tiba di sini petang ini bagi memulakan lawatan sulung di ibu negara Jerman itu.

Ketibaan Perdana Menteri dan delegasinya di Lapangan Terbang Berlin Tegel disambut oleh Duta Malaysia di Jerman, Datuk Zulkufli Adnan dan isteri, Datin Siti Hawa Othman.

Lawatan rasmi selama tiga hari itu akan memberi tumpuan pada perbincangan dua hala antara Perdana Menteri dengan Canselor Jerman, Angela Merkel dan usaha besar-besaran Malaysia untuk menarik pelabur-pelabur baru Jerman.

Kali terakhir pemimpin negara melawat Jerman ialah pada 2005 iaitu ketika Tun Abdullah Ahmad Badawi menjadi Perdana Menteri.

Beberapa sesi perjumpaan yang sudah diatur dengan kumpulan-kumpulan perniagaan di Jerman semasa lawatan tersebut menunjukkan Malaysia sedia mendengar pandangan-pandangan pelabur Jerman dan memberi insentif-insentif baharu pada mereka.

Perdana Menteri akan diberi sambutan rasmi penuh istiadat perbarisan tentera di Federal Chancellery tengah hari esok sebelum beredar untuk mengadakan perbincangan tertutup dengan Merkel dan makan tengah hari bersama Canselor Jerman itu.

Perbincangan kedua-dua pemimpin itu akan tertumpu pada isu-isu dua hala dan pelbagai hala termasuk perdagangan, pelaburan, pendidikan, pembangunan infrastruktur serta sains dan teknologi.



Kedua-dua pemimpin juga dijangka berbincang tentang isu keganasan antarabangsa, isu di Kepulauan Spratly, Kesatuan Eropah dan pelarian Syria.

Najib dan Merkel kemudian akan mengadakan sidang akhbar bersama bagi menyatakan hasil daripada perbincangan yang diadakan.

Di sebelah malam, Perdana Menteri dan isteri akan menghadiri jamuan makan bersama komuniti dan penuntut-penuntut Malaysia di Jerman.

Selain itu, Perdana Menteri juga akan mengadakan beberapa sesi perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin syarikat gergasi di Jerman.

Turut bersama dalam dialog-dialog yang akan diadakan ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong.

Sesi perjumpaan dengan ketua-ketua pegawai eksekutif dan presiden syarikat adalah untuk menarik pelaburan ke Malaysia dengan menawarkan pelbagai insentif mengikut acuan masing-masing.

Semasa di sini Najib juga akan menyaksikan upacara menandatangani perjanjian antara syarikat AWS Schafer dan sebuah syarikat pembinaan paip minyak dan gas untuk projek pembinaan di Kuantan, Pahang. - UTUSAN